



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

Pujuk anak sertai TVET, 3D

FAKTA bahawa hampir RM5 bilion wang negara mengalir keluar setiap tahun menerusi pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembinaan di negara ini cukup mengejutkan dan merugikan ekonomi negara. Anggaran nilai ini berdasarkan pengiraan formula seramai 420,000 pekerja asing yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menghantar kiriman wang ke negara masing-masing RM1,000 sebulan.

Bayangkan jika satu sektor iaitu pembinaan saja sudah membabitkan pengaliran wang keluar sebanyak ini, apa nilai sebenarnya wang yang mengalir keluar pada setiap tahun jika kita campur semua sektor pekerjaan yang membabitkan pekerja asing. Sudah pastinya nilainya berlipat ganda dan jangan lupa itu belum dicampur dengan pekerja asing yang tidak berdaftar atau tanpa izin. Jelas di sini jumlah wang negara yang mengalir keluar terlalu besar dan sudah tiba masanya

untuk kita memandang serius perkara ini, sekali gus mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengurangkan pengaliran keluar wang negara ini.

Sudah tentu kita tidak mungkin menyekat terus perkara ini dari terus berlaku kerana kebergantungan kita kepada pekerja asing masih tinggi. Namun itu bukan alasan untuk kita tidak bertindak bagi mengurangkan nilai yang mengalir keluar. Ironinya, kita perlu sedar antara kesan negatif langsung akibat dari pengaliran keluar wang ialah menjelaskan ekonomi domestik dalam negara.

Pekerja asing ini seboleh-bolehnya akan menghantar hampir kesemua pendapatan mereka ke negara sendiri untuk menyara keluarga mereka di kampung halaman, ini menyebabkan mereka tidak menggunakan gaji mereka secara optimum untuk berbelanja di negara kita.

Secara ringkasnya mereka kurang berbelanja di negara kita dan banyak berjimat cermat. Bagi mereka itu adalah tindakan yang amat wajar kerana sememangnya mereka datang ke sini untuk tujuan mencari rezeki demi menampung keperluan keluarga mereka. Tapi yang rugi adalah kita apabila mereka kurang berbelanja ini akan menjelaskan pendapatan warga kita.

Jadi antara langkah terbaik untuk mengatasi senario ini adalah mengurangkan kebanjiran pekerja asing di negara ini yang kelihatan begitu sukar dikawal dalam pelbagai sektor pekerjaan. Dalam sektor pembinaan sendiri, keengganan rakyat tempatan terutama belia untuk bekerja dalam industri melibatkan 3D (*dangerous, dirty, difficult*) - berbahaya, kotor dan sukar menyebabkan kita seolah-olah tiada pilihan melainkan bergantung harap kepada pekerja asing. Jika keadaan ini masih berterusan maka sampai bila-bilapun kita tidak mungkin dapat mengurangkan pengaliran wang keluar ini terutamanya dalam sektor pembinaan.

Dalam konteks ini kita berharap ibu bapa dapat memainkan peranan yang penting supaya dapat mempengaruhi keputusan pilihan masa depan anak-anak. Pujuk dan terangkan kepada anak-anak betapa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjanjikan masa depan yang cukup gemilang. Melalui kemahiran yang bakal diperoleh, kita bukan saja boleh bekerja dalam pelbagai bidang dengan peluang pekerjaan yang semakin bertambah dalam sektor tersebut, kita juga mampu berdiri atas kaki sendiri dengan membuka perusahaan sendiri. Ringkasnya kita boleh menjadi usahawan yang berjaya dan mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain. Jadi, ibu bapa perlu bijak menyusun hala tuju dan masa depan anak-anak mereka.